

Dr. Mahathir sertai SAID 2003 di Mbabane esok

UM 1 2 AUG 2003


MBABANE (Swaziland) 11 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pencetus idea perkongsian bestari di peringkat antarabangsa lapan tahun lalu, akan tiba di sini Rabu ini u&k menyertai Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2003, penyertaan terakhir bagi beliau atas kapasiti sebagai Perdana Menteri.

Beliau akan tiba di sini bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali untuk menghadiri SAID 2003 selepas mengakhiri lawatan rasmi ke Algeria.

Dr. Siti Hasmah juga akan menghadiri sesi-sesi perbincangan yang menyentuh isu sosial.

Selain menyampaikan ucapan pada SAID 2003, Dr. Mahathir akan menyertai sesi-sesi perbincangan selama empat hari sehingga Sabtu ini.

Sebagai pendukung kuat konsep perkongsian bestari untuk sama memajukan negara-negara jiran dan tidak pernah ketinggalan daripada menghadiri SAID serta Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) sejak 1995, Dr. Mahathir dijadual menyampaikan



Dialog Antarabangsa Selatan Afrika

ucaptama bertajuk **Memperkuatkan Identiti dan Kemajuan Menerusi Perkongsian Bestari**.

Tema SAID 2003 ialah **Ke Arah Global Yang Bestari**.

Malah beliau juga dijadualkan akan berkongsi pengalamannya sebagai Fellow **Pakatan Pengurusan Teknologi Komuniti (CPTM)** malam Jumaat ini.

Dr. Mahathir dijangka berkongsi pengalaman memperkembangan konsep dan idea perkongsian bestari dalam pembangunan di bawah tajuk **Cara Saya Melakukannya - Memajukan Negara Lawan Memiskinkan Negara**.

Swaziland yang terdiri daripada penduduk kira-kira sejuta orang menjadi tuan rumah SAID kali ini. SAID 2001 telah diadakan di Uganda.

SAID 2003 akan dirasmikan oleh Raja Mswati III pada majlis makan malam Rabu ini.

Pada hari kedua SAID 2003, atur cara akan dimulakan dengan sesi sarapan yang dipecahkan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama disertai oleh Raja Mswati III, ahli-ahli politik, pegawai-pegawai kerajaan, ahli perniagaan dan pekerja.

Kumpulan kedua terdiri daripada rangkaian isu-isu sosial yang diketuai oleh Permaisuri Swaziland dan Dr. Siti Hasmah.

Dua kumpulan yang lain ialah Hub Kelab 29 dan Hub Budaya dan Media.

Sesi perbincangan pertama SAID 2003 dimulakan dengan perbincangan yang menjurus kepada tema **Mempertingkatkan Kerjasama Keselamatan Global Menerusi Dialog Perkongsian Bestari**.

Forum sesi ini perbincangan akan bertumpu kepada aspek pendekatan mencari keperluan yang sama, toleransi dan tanggungjawab bersama

mencapai kerjasama keselamatan, dan tindakan bersama untuk dunia yang selamat menerusi rantau Afrika yang selamat.

Sesi kedua perbincangan pula akan memfokus tema **Memantau Kemajuan Pembangunan Menerusi Fungsi Negara-Negara Rakan Kongsi Bestari**.

Sesi itu akan memberi peluang kepada peserta memberi pandangan kemajuan usaha menubuhkan hub di negara masing-masing dengan tumpuan kepada pendekatan membangunkan Swaziland menerusi perkongsian bestari.

Program perbincangan tahunan antara ahli politik dan pengamal media juga akan diadakan pada hari kedua SAID 2003.

Sesi perbincangan ketiga akan menyentuh kerjasama ekonomi untuk pembangunan pada hari Jumaat. Sesi ini akan dibahagikan kepada topik berkaitan dengan krisis multilateralisme, **mempertingkatkan kemajuan dan pilihan kolektif baru dan pembangunan Labuan sebagai pusat kewangan pesisir pantai**.